

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH TIMUR LAUT
TINGKAT 50 DAN 51 KOMTAR
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK(KOMTAR)
10000 PULAU PINANG**



TALIAN UTAMA :04-2621957
KHIDMAT PENGURUSAN :04-6505526
PEMBANGUNAN :04-6505512
TANAH :04-6505330
PERUNDANGAN :04-6505328
NO. FAX :04-2616137

NO SEBUTHARGA : PDTL/PP/SH/02/2023

**TAJUK SEBUTHARGA : KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI
KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-
KERJA BERKAITAN**

Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam harga butiran lain. Penender adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat kontrak bersama-sama dengan spesifikasikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum memperhargakannya kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

Harga yang ditawarkan : RM _____

(Ringgit Malaysia) : _____

Tandatangan Kontraktor : _____

Nama, Alamat dan
Cop Kontraktor : _____

Tempoh Siap Kerja : **Empat (4) Minggu**

No. Telefon : _____

No. H/P : _____

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH TIMUR LAUT
TINGKAT 50 DAN 51 KOMTAR
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK(KOMTAR)
10000 PULAU PINANG**



TALIAN UTAMA :04-2621957
KHIDMAT PENGURUSAN :04-6505526
PEMBANGUNAN :04-6505512
TANAH :04-6505330
PERUNDANGAN :04-6505328
NO. FAX :04-2616137

NO SEBUTHARGA : PDTL/PP/SH/02/2023

**TAJUK SEBUTHARGA : KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI
KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-
KERJA BERKAITAN**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Dalam ;

PENGKHUSUSAN : G1 – CE- CE01

Sebutharga hendaklah dikembalikan ke Pejabat Daerah Timur Laut (Peti Tawaran) Tingkat 51, KOMTAR, Pulau Pinang tidak lewat jam **12.00 tengah hari** pada **24 MAC 2023 (JUMAAT)**

[UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA]

Nama Kontraktor : _____

Alamat Kontraktor : _____

No. Telefon : _____

No. Pendaftaran : _____ Kelas : _____

t.t
(b.p. Pegawai Daerah Timur Laut)
yang mengeluarkan Dokumen Sebutharga.

Tarikh : 17 Mac 2023

*Cetakan ini berkomputer tidak perlu ditandatangani



BORANG SEBUTHARGA

NO SEBUTHARGA : PDTL/PP/SH/02/2023

TAJUK SEBUTHARGA : KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

Pegawai Daerah,
Daerah Timur Laut,
Tingkat 51, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG.

Tuan,

1. Saya/Kami telah meneliti syarat-syarat Sebutharga, ringkasan dan penentuan kerja, lukisan-lukisan (jika ada), maksud dan tafsiran serta melawat tapak dan telah menyelidiki sebelum membuat tawaran ini.
2. Saya/Kami telah mempertimbangkan dengan sewajarnya dan mengambil keputusan bersetuju menyertai tawaran untuk melaksanakan kerja dan segala keperluan, membekal tenaga pekerja, bahan-bahan dan loji dan segala perkara yang tercatit di dalam syarat-syarat sebutharga, penentuan kerja, lukisan-lukisan (jika ada) dan butir-butir tawaran bagi menyiapkan projek ini dengan jumlah wang pukal sebanyak:-

Ringgit Malaysia :

iaitu RM _____.

3. Saya/Kami bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam tempoh **4 minggu** dari tarikh menerima Pesanan Kerajaan atau dalam apa-apa tempoh yang diperuntukan dalam syarat-syarat sebutharga.
4. Saya/Kami bersetuju menjadi terikat dan tunduk kepada syarat-syarat dan spesifikasi tersebut dan jika sebutharga ini disetuju terima, harga dan kadar harga dalam jadual Kadar Harga dan ringkasan kerja hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya tanpa mengubah jumlah wang pukal. Jadual Kadar Harga selepas diselaraskan akan menjadi asas bagi menilai apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari masa ke semasa, tetapi jika perubahan itu melibatkan peninggalan atau pertambahan sesuatu butiran kerja yang harganya akan diberikan dalam ringkasan sebutharga, maka harga ini akan menjadi asas bagi menilai perubahan itu.

5. Saya/Kami memahami bahawa Lembaga Sebutharga sentiasa berhak menyetuju terima atau menolak sebutharga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi atau sama amaunnya dengan sebutharga lain tanpa memberi apa-apa sebab.
 6. Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa borang sebutharga ini hendaklah menjadi Kontrak yang mengikat kita walaupun Perjanjian Kontrak yang formal belum dilaksanakan.
 7. Jika sekiranya sebutharga ini disetuju terima, Saya/Kami enggan dan tidak melaksanakan perjanjian Kontrak yang formal atau meneruskan kerja-kerja sebagaimana yang dikehendaki, maka Pegawai Penguasa sentiasa berhak mengambil tindakan atau mengesyorkan kepada Kerajaan supaya membatalkan pendaftaran Saya/Kami sebagai Kontraktor Kerajaan.

Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh :

No. K/P :

Cop dan Alamat :

.....

Tarikh :

Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. K/P :

Pekerjaan :

Alamat :

Tarikh :

**PEJABAT DAERAH TIMUR LAUT
TINGKAT 51, KOMTAR,
PULAU PINANG**

SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA

NO SEBUTHARGA : PDTL/PP/SH/02/2023

TAJUK SEBUTHARGA : KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

1. Kontraktor dikehendaki mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Syarat-syarat Am Sebutharga. Sekiranya didapati kontraktor tidak mematuhi segala syarat-syarat yang ditetapkan, maka sebutharga tersebut akan ditolak.
2. Kontraktor hendaklah menyerahkan sebutharga yang telah diisi dan ditandatangani oleh pemilik syarikat yang sah dengan sempurna dalam satu sampul surat bertutup ke alamat sebagaimana yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebutharga. Borang sebutharga yang tidak lengkap atau tidak ditandatangani akan ditolak. Kontraktor juga dikehendaki mengembalikan dokumen asas sebutharga yang telah lengkap diisi dan disertakan bersama-sama salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, salinan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)**, salinan **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** yang masih sah tempoh laku, salinan **resit pembayaran untuk pendaftaran Sistem ePerolehan** yang terkini. Kontraktor juga dikehendaki mengisi Surat Akuan Pembida dan dilampirkan bersama-sama dokumen sebutharga.
3. Mana-mana sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan oleh kerana sebarang sebab tidak akan dipertimbangkan.
4. Kontraktor yang memasuki tawaran ini disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak bina dan telah berpuas hati sebelum menyerahkan tawaran, tentang keadaan tapak bina dan sekitarnya, takat dan jenis kerja, bahan-bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan kerja-kerja, cara perhubungan dengan akses ke tapak bina dan pada amnya hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal yang mempengaruhi dan menjelaskan tawarannya.
5. Kontraktor diingatkan bahawa harga tawaran yang disebut adalah disifatkan sebagai harga yang meliputi semua perbelanjaan keuntungan, upah, bahan-bahan, insuran dan lain-lain yang berkaitan untuk menyiapkan semua kerja-kerja yang dimaksudkan.
6. Lembaga sebutharga tidak terikat untuk menyetuju terima sebutharga yang terendah atau sesuatu sebutharga dan juga tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab atas penolakan sesuatu sebutharga.

7. Senarai nama dan maklumat Kontraktor yang diperakukan oleh Jawatankuasa Sebutharga akan dipamerkan selama satu (1) minggu di papan kenyataan jabatan dan juga melalui laman web jabatan (<http://dtl.penang.gov.my>).
8. Kontraktor tidak boleh memohon sebarang bayaran pendahuluan.
9. Kontraktor yang berjaya perlu memulakan kerja di tapak bina tidak lewat dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh Inden Kerja dikeluarkan. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini tanpa sebarang alasan yang munasabah akan menyebabkan tawaran ini dibatalkan tanpa sebarang notis.
10. Kontraktor yang menolak tawaran sebutharga ini setelah ditawarkan kepadanya oleh kerana sebarang sebab akan diambil tindakan pentadbiran yang sewajarnya.
11. Kontraktor disifatkan sebagai telah menyelidiki dan memahami dengan jelas akan maksud dan kehendak kerja-kerja dalam sebutharga serta hendaklah melaksanakan dan menyiapkan dengan sempurna mengikut lukisan-lukisan pelan (jika ada), penentuan kerja, syarat-syarat sebutharga dan juga arahan-arahan Pegawai Penguasa dari jabatan ini.
12. Kesemua kerja mestilah disiapkan dalam tempoh yang ditawarkan dalam borang sebutharga atau dalam masa yang dilanjutkan oleh Pegawai Penguasa secara bertulis. Tarikh mula dan tarikh siap adalah seperti yang tercatat dalam Inden Kerja yang dikeluarkan kepada Kontraktor yang berjaya.
13. Kontraktor yang gagal menyiap atau menyempurnakan kerja sebutharga ini akan dikenakan tindakan penahanan pembayaran atau pemotongan bagi spesifikasi kerja yang belum siap atau yang tidak sempurna itu. Sekiranya perkara ini berlaku, Pegawai Penguasa boleh mengambil tindakan untuk melantik Kontraktor yang lain bagi menyiapkan baki kerja itu yang tidak sempurna itu. Segala rayuan dan tuntutan daripada Kontraktor Asal yang berjaya dalam sebutharga ini tidak akan dilayan.
14. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan dibenarkan boleh dibuat pada borang sebutharga atau mana-mana dokumen sebutharga melainkan yang ditawarkan atau yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa.
15. Tempoh kecacatan kerja ialah enam (6) bulan dan sebarang kecacatan yang berlaku dalam tempoh tersebut akan ditanggung sepenuhnya dan dibaiki semula oleh pihak kontraktor.
16. Kontraktor juga diwajibkan untuk muat turun (download) sendiri dokumen sebutharga di dalam sistem ePerolehan. Sebarang dokumen sebutharga yang difotokopi daripada kontraktor lain adalah tidak dibenarkan.
17. Kontraktor TIDAK DIWAJIBKAN untuk menghadiri lawatan tapak bagi sebut harga ini. Namun pihak kontraktor boleh melawat sendiri tapak berkenaan bagi mendapatkan maklumat lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran sebut harga. Maklumat dan 'brief projek' dilampirkan di dalam DOKUMEN MEJA.

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH
DAERAH TIMUR LAUT
TINGKAT 50 & 51 KOMTAR
10000 PULAU PINANG**

TAJUK : KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

BIL	BUTIRAN KERJA	KUANTITI	UNIT	HARGA	JUMLAH (RM)
1.0	<u>KERJA-KERJA PERMULAAN</u> <ul style="list-style-type: none"> a) Penyediaan insuran pekerja (Workmenship Compensation) dan insuran awam (Public Liability). b) Penyediaan laporan bergambar sebelum, semasa dan selepas yang siap dijilid menggunakan 'glossy paper' (2 salinan) serta salinan 'softcopy' (1 salinan). 	-	Pukal		
2.0	<u>KERJA-KERJA AWALAN</u> <ul style="list-style-type: none"> a) Kawalan lalulintas semasa kerja-kerja penurapan dilakukan (Flag Man) b) Kerja-kerja membersihkan permukaan jalan dari sisa kotoran bagi kerja-kerja menurap termasuk kerja-kerja berkaitan. 	-	Pukal		
3.0	<u>KERJA-KERJA MENURAP</u> <ul style="list-style-type: none"> a) Membekal serta padatkan 50mm tebal Asphaltic Concrete Wearing Course ACWC 14 (Compacted Thickness) yang dilabur serta ditarik dengan mesin paver termasuk menyembur satu lapisan "tack coat" bergred RS-1K pada kadar 2liter/m² serta kerja-kerja berkaitan dipadatkan dengan mesin tyre roller serta mesin penggelek (Tandem roller) yang beratnya 8 tan. 	2886.27	M2		
JUMLAH DI BAWA KE MUKA SURAT SEBELAH					

JUMLAH DI BAWA DARI MUKA SURAT SEBELAH				
	b) Pengangkutan membawa jentera ke tapak c) Pihak kontraktor dikehendaki mengurus serta membuat ujian ketebalan jalan (coring test) sebanyak enam (6) lubang dan dilaksanakan oleh makmal bertauliah beserta dokumen keputusan	- 6	Pukal Bil	
4.0	<u>KERJA-KERJA AKHIR</u> a) Kerja-kerja membersihkan tapak dari segala sisa bahan selepas kerja siap dilaksanakan dan di bawa keluar dari tapak termasuk kerja-kerja berkaitan	-	Pukal	
	JUMLAH KESELURUHAN			

(Ringgit Malaysia : _____

 _____)

Tandatangan Kontraktor : _____

Nama, Alamat & Cop : _____

Kontraktor _____

Tempoh Siap Kerja : **Empat (4) Minggu**

No. Telefon : _____

Catatan :

Tempoh kecacatan untuk kerja-kerja ini ialah enam (6) bulan dari tempoh siap kerja dan sebarang kecacatan yang berlaku dalam tempoh tersebut akan ditanggung sepenuhnya dan dibaiki oleh pihak kontraktor.

BORANG A

Latar Belakang Kontraktor
(Setiap Kontraktor hendaklah menggunakan Borang yang berasingan)

1. Nama : _____

2. Alamat : _____

3. Kelas Tajuk / Tajuk Kecil Tarikh Didaftar

_____ _____ _____

4. Ahli-ahli Syarikat :

1. Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

BORANG B**Senarai Kerja Yang Sedang / Telah Dilaksanakan
Dalam Tempoh 12 Bulan Lalu**

Nama Syarikat : _____

Kelas G1

Bil.	Jenis Kerja	Harga	Agensi / Jabatan	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Perakuan P.P.P

Tandatangan : _____

* Kontraktor perlu mengisi dengan lengkap borang yang disediakan bagi kerja yang sedang / telah dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan yang lalu (sekiranya ada). Tidak perlu mengemukakan salinan Inden atau apa juar surat tawaran / dokumen daripada agensi lain.

SENARAI SEMAK DOKUMEN

Rujuk Bersama-sama Syarat-syarat Am Sebutharga

Sila tandakan / bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Dokumen Yang Disertakan	Untuk ditanda Oleh Penyebutharga	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
1.	Dokumen sebutharga yang telah lengkap diisi (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil PKK (STB) yang masih sah tempoh laku (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan CIDB (PPK dan SPKK) yang masih sah tempoh laku (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Salinan Resit Pembayaran ePerolehan yang masih sah tempoh laku atau resit pembelian dokumen sebutharga di dalam sistem ePerolehan atau profail kontraktor ePerolehan (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Surat Akuan Pembida (Wajib)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

BORANG C1**PENGESAHAN OLEH PENYEBUTHARGA****UNTUK KEGUNAAN JAWATANKUASA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Jawatankuasa Pembuka Sebutharga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali perkara bil. (jika ada)

Tandatangan : _____

Pengerusi

Nama : _____

Tandatangan : _____

Jawatan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Ahli

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____



SURAT AKUAN PEMBIDA

KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN

Saya _____ Nombor K.P. _____ yang memilik Syarikat _____ nombor pendaftaran PKK & CIDB: _____ ini mengisyiharkan bahawa saya mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **PEJABAT DAERAH DAN TANAH DAERAH TIMUR LAUT** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan - tindakan berikut:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga * di atas;
atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender / sebut harga* yang ditandatangani tanpa bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku, memberi atau menawarkan rasuah; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapat tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama :
No. KP :
Cop Syarikat:

Catitan: * Potong mana yang tidak berkaitan.

SURAT AKUAN PEMBIDA

KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI KAMPUNG LEMBAH RIA, AIR ITAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN **KOD SEBUTHARGA : PDTL/PP/SH/02/2023**

Saya, No. Kad Pengenalan..... yang mewakili
(Nama Syarikat) nombor Pendaftaran
(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut** atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender/sebut harga atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :
Nama :
No.KP :
Tarikh :
Cop Syarikat :

Catatan:

- (i) * potong mana tidak berkenaan
- (ii) **termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
- (iii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.